

DATE: 21/8/2009

Dr. M setuju langkah kerajaan lakukan pindaan

Tempoh tahanan ISA disingkatkan

Oleh ARSHAD KHAN
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 20 Ogos – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bersetuju dengan langkah kerajaan melakukan pindaan terhadap Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Kata beliau, tindakan mengurangkan tempoh penahanan di bawah ISA adalah antara idea yang tepat untuk dipertimbangkan.

“Saya fikir ia (tempoh penahanan ISA) boleh disingkatkan,” katanya selepas menyampaikan ucapan penutup Seminar Industry Insight 2009 di sini hari ini.

Sebelum ini, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun

Hussein memberitahu, bahawa pindaan terhadap ISA akan dibentangkan ke Parlimen Oktober depan.

Antara pindaan yang dicadangkan adalah mengenai tempoh penahanan tanpa bicara yang kini selama 60 hari.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir bagaimanapun berkata, masih terlalu awal untuk membuat rumusan menyeluruh mengenai kesan beberapa perubahan undang-undang pencegahan yang sedang dirancang.

“Kita perlu melihat dahulu apakah perubahan-perubahan itu,” katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr. Mahathir menekankan agar dunia melakukan perubahan terhadap sistem perbankan dan kewangannya.

Kata beliau, sistem sedia ada ter-

nyata memiliki kelemahan yang dimanipulasi individu dan organisasi kewangan tertentu untuk mengaut keuntungan lumayan.

Tambahnya, kelemahan itu menyebabkan kejatuhan ekonomi yang menjejaskan kehidupan banyak pihak.

“Tidak ada satu sistem ekonomi sempurna yang boleh diwujudkan, tetapi ia boleh diperbaiki,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berpendapat perlu ada satu pertemuan antara semua negara di dunia bagi menghasilkan satu sistem ekonomi baru seperti sistem Bretton Woods dihasilkan dahulu.

“Cuma pastikan ia melibatkan semua dan bukan hanya yang kaya sahaja,” katanya.



DR. MAHATHIR Mohamad diserbu peminat yang ingin meminta tanda tangan beliau selepas memberikan ucapan sempena acara penutup Seminar Industry Insight 2009 di Sime Darby Convention Center, Kuala Lumpur, semalam.